

## INTERAKSI IBN AL-JAWZI DENGAN AYAT-AYAT *QITAL* DALAM FENOMENA *NASKH*

Dr. Khairuddin bin Haji Said  
Profesor Dato' Dr Zulkifli Haji Mohd Yusoff

Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis  
[khairuddinsaid@yahoo.com](mailto:khairuddinsaid@yahoo.com)

### *Abstrak*

*Fenomena naskh merupakan perbincangan yang mengambil tempat yang meluas dalam kalangan mufasirin kesan hubungan langsung setiap ayat al-Quran yang mempunyai khitab yang berbeza dalam isu-isu yang mempunyai perkaitan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis respons Ibn al-Jawzi dalam perbincangan ayat-ayat yang berkaitan dengan peperangan sama ada wujud naskh dalam perintah tersebut atau muhkam untuk terus diamalkan hukum khitabnya. Kajian kualitatif ini dilakukan dengan penggunaan metod kajian perpustakaan terhadap buku Nawasikh al-Qur'an yang disusun oleh Ibn Jawzi untuk menilai tema ayat-ayat Qital dari sudut naskh. Ibn Jawzi mempunyai piawai yang cukup ketat untuk memutuskan kewujudan naskh terhadap sesuatu ayat dengan merujuk kepada setiap ayat al-Quran yang dibicarakan secara holistik. Keiltizaman beliau dalam fenomena ini diperkukuhkan dalam penggunaan metod tafsir sebagai dasar dalam membuat penilaian terhadap semua ayat yang mempunyai khitab Qital. Hasil yang dikemukakan tersebut merupakan satu dapatan yang berautoriti dalam perbincangan naskh yang melibat perintah perang di dalam al-Quran.*

**Kata kunci:** Ibn Jawzi, *Nawasikh al-Qur'an*, *Qital*, *naskh*, *muhkam* dan *khitab*.

### **Pendahuluan**

Redaksi ayat al-Quran mempunyai keistimewaan yang tersendiri dengan kepelbagaian *khitab* kepada manusia yang berinteraksi dengannya. Setiap perintah mesti dilaksanakan mengikut kefahaman yang tepat berdasarkan kehendak setiap perintah tersebut. Terdapat perintah al-Quran yang dikategorikan sebagai *naskh* berdasarkan penurunan perintah yang terkemudian berbeza kandungannya dengan perintah yang terdahulu. Antaranya, fenomena berkaitan dengan perintah perang atau *qital* dalam pelbagai nada yang umum dan bersyarat telah menimbulkan perbezaan tafsiran dan ijtihad untuk melaksanakannya. Dalam hal ini, Ibn al-Jawzi melalui bukunya *Nawasikh al-Qur'an* telah memberikan komentar dan ijtihad yang tuntas untuk mendepani isu

tersebut agar kefahaman dan amalan terhadap ayat al-Quran tepat berdasarkan kehendak sebenar setiap ayat.

Metodologi Ibn al-Jawzi dalam buku ini ada disentuh secara ringkas oleh Sulayman bin Ibrahim ketika melakukan tahkik terhadap buku *al-Nasikh wa al-Mansukh fi Kitab Allah 'Azz wa Jalla wa Ikhtilaf 'Ulama' fi dhalik* susunan Abu Ja'afar Ahmad bin Muhammad al-Nahhas.<sup>1</sup> Ini disebut oleh beliau dalam pendahuluan tahkik tersebut sebagai perbandingan dengan pendapat al-Nahhas dalam beberapa ayat yang dijadikan contoh. Muhammad Asyraf 'Ali al-Malbari telah melakukan tahkik terhadap buku *Nawasikh al-Qur'an* ini dalam kajian untuk mencapai ijazah Sarjana di Jabatan al-Tafsir Universiti Islam di Madinah al-Munawwarah.<sup>2</sup>

### **Biodata Ibn al-Jawzi**

Nama beliau ialah Jamal al-Din Abu al-Farj 'Abd al-Rahman bin Abi al-Hasan 'Ali bin 'Ubayd Allah bin 'Abd Allah bin Humada bin Ahmad bin Muhammad bin Ja'afar bin 'Abd Allah bin al-Qasim bin al-Nadar bin al-Qasim bin Muhammad bin 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman bin al-Qasim bin Muhammad bin Abi Bakr al-Siddiq al-Qasyri al-Taymi al-Bakri al-Baghdadi al-Hambali.<sup>3</sup> Menurut Ibn al-Qati'i,<sup>4</sup> Ibn al-Jawzi dinamakan al-Mubarak sehingga tahun 520 H. Namun pada masa tersebut, dalam kalangan mereka terkenal dengan gelaran sahaja dan bukannya nama sebenar mereka.<sup>5</sup> Oleh itu nama al-Mubarak merupakan salah satu gelaran bagi beliau semasa kecil.

Ibn al-Jawzi mempunyai beberapa gelaran yang dipanggil untuk menggantikan namanya bahkan gelaran ini lebih terkenal daripada namanya sendiri. Antaranya gelaran yang paling

---

<sup>1</sup> Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad al-Nahhas (1991), *al-Nasikh wa al-Mansukh fi Kitab Allah 'Azza wa Jalla wa Ikhtilaf 'Ulama' fi dhalik.*, tahkik: Sulayman bin Ibrahim, Beirut: Muassasah al-Risalah, j.1, m. 309.

<sup>2</sup> 'Abd al-Rahman bin 'Ali, Ibn al-Jawzi (1984), *Nawasikh al-Qur'an*, tahkik: Muhammad Asyraf 'Ali al-Malbari, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

<sup>3</sup> Syam al-Din Muhammad al-Dhahabi (t.t), *Tadhkirah al-Huffaz*, j.3, Beirut: Dar al-Turath al-'Arabi, m. 1342.

<sup>4</sup> Beliau ialah 'Abd al-Latif bin al-Saiqal al-Najib dan merupakan salah seorang daripada anak murid Ibn al-Jawzi. Beliau lahir pada tahun 577 H di Baghdad dan meninggal dunia pada tahun 672 H juga di sana. Lihat 'Abd al-Rahman bin Syihab al-Din Ahmad Ibn Rajab (t.t), *al-Dhayl 'ala Tabaqat al-Hanabilah*, j.2, Beirut: Dar al-Ma'rifah, m. 293.

<sup>5</sup> *Ibid.* j.1, m. 400.

masyur bagi beliau ialah Ibn al-Jawzi. Terdapat perbezaan pendapat tentang sebab gelaran tersebut diberikan kepada beliau. Menurut Ibn al-Dahiyah, al-Jawzi adalah gelaran yang diberikan kepada datuknya yang kesembilan iaitu Ja'afar yang digelar Ja'afar al-Jawzi dan gelaran tersebutlah dinasabkan pula kepada beliau.<sup>6</sup> Al-Mundhiri<sup>7</sup> menyatakan bahawa gelaran ini dinasabkan kepada salah satu daripada pelabuhan di Basrah yang dinamakan al-Jawzah.<sup>8</sup> Pendapat ini juga disebut oleh Ibn Khallikan<sup>9</sup> bahawa al-Jawzi adalah dinasabkan kepada pelabuhan al-Jawzah iaitu satu tempat yang masyhur di Basrah.<sup>10</sup> Menurut 'Abd al-Samad bin Abi al-Jaysy,<sup>11</sup> al-Jawzi adalah dinisabkan kepada satu rumah kedai di Basrah yang dinamakan kedai al-Jawz.<sup>12</sup> Ada pendapat lain yang menyatakan bahawa berhampiran rumah Ibn al-Jawzi di Wasit terdapat sebatang pokok *jawzah* yang tidak terdapat di tempat lain.<sup>13</sup> Gelaran lain yang diberikan kepada beliau ialah Abu al-Farj dan Jamal al-Din. Gelaran-gelaran ini adalah berdasarkan sebutan pada awal nama beliau sebagaimana dinyatakan oleh para sejarawan apabila menyebut nama beliau dengan lengkap.

Menurut Ibn Khallikan, Ibn al-Jawzi lahir pada malam Sabtu, 13 Zulkaedah 508 H di Baghdad.<sup>14</sup> Tarikh yang lain disebut pula oleh al-Dhahabi dengan menyatakan bahawa Ibn al-Jawzi lahir pada tahun 509 H atau 510 H.<sup>15</sup> Ibn al-Najjar pula menyatakan, bahawa dia meriwayatkan dari tulisan Ibn al-Jawzi yang menyebut bahawa "*aku tidak dapat menentukan secara pasti tarikh lahirku melainkan kematian bapaku pada tahun 514 H. Ibuku memaklumkan*

---

<sup>6</sup> Syam al-Din Muhammad al-Dhahabi (1990), *Syir A'lam al-Nubala*, 'j. 21, Beirut: Muassasah al-Risalah, m. 372.

<sup>7</sup> Beliau adalah 'Abd al-'Azim bin 'Abd al-Qawi bin 'Abd Allah Abu Muhammad Zaki al-Din al-Mundhiri yang berasal dari Syam tetapi lahir di Mesir pada tahun 581 H dan meninggal dunia pada tahun 656 H di Mesir. Beliau menguasai ilmu bahasa, fikah, sejarah dan hadis. Lihat 'Umar bin Ism'il, Ibn Kathir (2001), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, tahkik: 'Ali Muhammad Mu'awwad, *et al*, j. 13, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, m. 212.

<sup>8</sup> Ibn Rajab (t.t) *op. cit.* j. 1 m. 400.

<sup>9</sup> Beliau ialah Syams al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim bin Abi Bakr bin Khallikan yang merupakan seorang Qadi al-Qudaah dan ulama yang terkemuka. Beliau meninggal dunia pada 26 Rejab 682 H ketika berumur 73 tahun. Lihat Ibn Kathir (2001), *op. cit.* j. 13, m. 300.

<sup>10</sup> Ahmad bin Muhammad Khallikan (t.t), *Wafayat al-A'ayan wa Anba' Abna' al-Zaman*, tahkik: Ihsan 'Abbas, j.3, Beirut: Dar al-Thaqafah, m. 142.

<sup>11</sup> Beliau ialah 'Abd al-Samad bin Ahmad bin 'Abd al-Qadir dan merupakan salah seorang murid Ibn al-Jawzi. Beliau mempelajari pelbagai ilmu seperti hadis, tatabahasa dan fikah. Beliau lahir pada bulan Muharram 597 H di Baghdad dan meninggal dunia pada 676 H juga di Baghdad. Lihat Ibn Rajab (t.t), *op. cit.* j.2, m. 293.

<sup>12</sup> *Ibid.* j.1 m. 400.

<sup>13</sup> Al-Dhahabi (1990), *op. cit.* j.21 m. 372.

<sup>14</sup> Ibn Khallikan (t.t), *op. cit.* j. m. 142.

<sup>15</sup> Al-Dhahabi (1990), *op. cit.* j. 21 m. 366

*bahawa umurku ketika itu adalah 3 tahun*".<sup>16</sup> Berdasarkan kenyataan Ibn al-Jawzi ini menunjukkan bahawa kelahiran beliau adalah pada tahun 512 H. Ibn Rajab<sup>17</sup> berpendapat bahawa kelahiran Ibn al-Jawzi adalah selepas tahun 510H<sup>18</sup> berdasarkan beberapa faktor:

- i) Ibn al-Jawzi menyebut bahawa beliau tidak tinggal lama dengan bapanya kerana bapanya meninggal dunia pada tahun 514 H . Ibunya memaklumkan bahawa usia beliau pada ketika itu adalah 3 tahun.
- ii) Ketika ditanya oleh Ibn al-Qati'iy tentang kelahirannya, beliau memberitahu bahawa ketika kematian gurunya Ibn al-Zaghuni pada tahun 527 H, beliau baru memasuki alam baligh.

Tarikh kelahiran Ibn al-Jawzi tidak dapat diputuskan secara tepat kerana terdapat beberapa pandangan tentang perkara tersebut. Tambahan pula Ibn al-Jawzi tidak menyebut dengan pasti tentang tarikh tersebut. Namun berdasarkan sumber Ibn al-Jawzi sendiri yang dinyatakan oleh muridnya Ibn al-Najjar dan disokong oleh Ibn Rajab dapatlah dinyatakan bahawa kelahiran beliau adalah di antara tahun 510 H dan 512 H.

Pendidikan Ibn al-Jawzi mempunyai sejarahnya yang tersendiri kerana bapanya telah meninggal dunia semasa beliau masih kecil. Selepas itu beliau telah dipelihara oleh ibu dan makciknya. Walaupun kebanyakan ahli keluarga beliau berkecimpung dalam perniagaan tembaga<sup>19</sup> namun beliau beruntung kerana ibu dan makciknya mempunyai sifat cintakan ilmu pengetahuan. Baghdad, tempat kelahiran beliau merupakan pusat ilmu pengetahuan dan di sana terdapat banyak pusat pendidikan dan ulama' yang masyhur. Peluang ini merupakan satu kesempatan yang amat bernilai kepada Ibn al-Jawzi apabila beliau memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Apabila beliau meningkat dewasa, makciknya menghantar beliau belajar dengan pakciknya Abu al-Fadl bin Nasir yang mengajar di sebuah masjid sempena namanya. Di

---

<sup>16</sup> Syihab al-Din bin al-Najjar (1982), *al-Mustafad min Dhayl Tarikh Baghdad*, j. 1, Beirut: Muassasah al-Risalah, m. 282.

<sup>17</sup> Beliau ialah 'Abd al-Rahman bin Syihab al-Din. Beliau merupakan seorang *hafiz* dan banyak menulis tentang hadis seperti buku Syarh Jami' al-Tirmizi. Beliau lahir pada tahun 736 H di Baghdad dan meninggal dunia pada tahun 795 H di Damsyik. Lihat Khayr al-Din al-Zereqli (1979), *al- A'lam Qamus al-Tarajum*, Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin . j. 3, m. 295.

<sup>18</sup> Ibn Rajab (t.t) , *op. cit.* j. 1, m. 400.

<sup>19</sup> Al-Dhahabi (1990), *op cit.* j. 21, m 367.

sini beliau telah mempelajari hadis dengan tekun sehingga mampu menguasainya.<sup>20</sup> Beliau juga mempelajari hadis daripada beberapa orang guru yang lain seperti Abu al-Hasan dan ‘Ali bin ‘Abd al-Wahid.<sup>21</sup> Beliau telah mempelajari ilmu al-Qur’an, fikah, debat dan usul fikah dengan Abu Bakr al-Dinuri dan beberapa tokoh ulama’ yang lain di Baghdad.<sup>22</sup> Di atas usaha yang dilakukan oleh beliau, di samping bimbingan daripada guru-gurunya telah memungkinkan beliau menempatkan diri sebagai seorang ilmuan dalam bidang tafsir. Beliau menyatakan bahawa “*ramai orang yang mengajar ilmu tafsir tetapi tidak pernah aku mendengar seorang pun daripada mereka yang telah menghabiskan pengajaran tafsirnya dengan lengkap dalam majlis ilmu mereka, tetapi aku berjaya menamatkan pengajaran tafsirku dengan lengkap*”.<sup>23</sup>

Ibn al-Jawzi juga mempelajari sastera, bahasa Arab dan ilmu *al-w‘az* ( dakwah ) daripada Abu Mansur al-Jawaliqi.<sup>24</sup> Beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh sehingga membolehkan beliau muncul sebagai seorang yang terhebat pada zamannya dalam penyampaian ilmu tersebut.<sup>25</sup>

Ibn al-Jawzi telah menghembuskan nafas terakhirnya pada malam Jumaat 12 Ramadan 597 H.<sup>26</sup> di Baghdad dan dikebumikan di *Bab Harb*<sup>27</sup> setelah sakit selama 5 hari.<sup>28</sup> Kewafatan tokoh yang telah memberi sumbangan yang amat besar kepada masyarakat Islam di Baghdad khususnya dan umat Islam amnya tidak dapat dinafikan adalah satu kehilangan kepada semua. Walaupun jasadnya tiada namun karya-karya beliau adalah lidah yang menjadi penyambung dakwah beliau kepada generasi seterusnya.

### **Konsep *al-Qital***

---

<sup>20</sup> ‘Abd al-Hayy bin al-‘Imad (t.t), *Syadharat al-Dhahb fi Akhbar man Dhahab*, j. 3, c.4, Beirut: al-Maktabah al-Tijar li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘, m. 330.

<sup>21</sup> Ibn al-Najjar (1982), *op. cit.* m.285.

<sup>22</sup> ‘Abd al-Rahman bin ‘Ali Ibn al-Jawzi (1992), *al-Muntazam fi Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, j.17, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, m. 276-278.

<sup>23</sup> *Ibid.* j. 18. m 210.

<sup>24</sup> *Ibid.* j. 17, m. 278.

<sup>25</sup> Ibn al-Najjar (1982), *op. cit.* m. 285.

<sup>26</sup> Ibn Kathir (2001), *op.cit.* j.13 m.30. Lihat juga ‘Ali bin Muhammad, Ibn al-Athir (1970), *al-Kamil fi al-Tarikh*, j. 12, Beirut: Dar Beirut, m.171.

<sup>27</sup> ‘Umar Rida’ Kuhhalah (t.t), *op.cit.* j.5 m.157.

<sup>28</sup> al-Dhahabi (1990), *op. cit.* j.21 m.379.

*Qital* merupakan satu bahagian yang terakhir dari bahagian jihad iaitu *qital* dengan menggunakan senjata (pedang) atau menggunakan senjata untuk menghadapi musuh-musuh. Sebahagian orang memahami istilah ini sebagai jihad namun sebenarnya terdapat perbezaan dari sumber istilahnya. *Qital* berasal dari perkataan “ قَاتِلَ، يُقَاتِلُ، قِتَالًا، وَمُقَاتَلَةً ”. dari segi makna perkataan, *qital* berasal dari “ قَتْلٌ ” manakala jihad berasal dari “ حَهْدٌ ”.

Terdapat sebanyak 67 kali perkataan “ قِتَالٌ ” dan perubahan katanya disebut di dalam al-Quran. Dari sudut syarak, istilah ini hanya diiktiraf dalam peperangan yang mempunyai hubungan dengan jalan Allah atau *fi sabil Allah* sahaja sebagaimana diisyaratkan oleh ayat:

الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ الطَّاغُوتِ فَقَاتِلُوا أَوْلِيَاءَ الشَّيْطَانِ  
إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

76. Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan *Taghut* (Syaitan). Oleh sebab itu, perangilah kamu akan pengikut-pengikut syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah.

Surah al-Nisa' (4):76

Manakala di dalam hadis pula Rasulullah SAW menyebut:

{ مَنْ قَاتَلَ لِتَكُونَ كَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا، فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ }<sup>29</sup>

Sesiapa yang berperang untuk menjadikan kalimah Allah (Islam) berada dalam kedudukan yang tinggi, maka itu adalah perbuatan di jalan Allah.

Apabila sesuatu peperangan itu hilang matlamat serta dorongan tersebut maka ia tidak diiktiraf sebagai salah satu jihad sedikitpun sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah SAW:

{ إِذَا تَقَى الْمُسْلِمَانِ بِسَيْفِهِمَا فَالْقَاتِلُ وَالْمَقْتُولُ فِي النَّارِ! قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ! هَذَا الْقَاتِلُ؛ فَمَا بَالُ الْمَقْتُولِ؟ قَالَ: "إِنَّهُ كَانَ حَرِيصًا عَلَى قَتْلِ صَاحِبِهِ" }<sup>30</sup>

“Apabila bertemu dua orang muslim dengan pedang kedua-duanya, maka pembunuh dan yang terbunuh akan dimasukkan ke dalam neraka. Para Sahabat berkata: “wahai Rasulullah, ya bagi sang pembunuh, maka pula keadaannya bagi yang terbunuh?”. Rasulullah bersabda: “kerana sesungguhnya dia bersemangat untuk membunuh rakannya”.

<sup>29</sup> Al-Bukhari: no. hadis; 123.

<sup>30</sup> Al-Bukhari: no. hadis; 121.

Dapatlah dinyatakan melalui bahasa ulama mantiq, hubungan di antara jihad dan *qital* adalah antara umum dan khusus yang mutlak kerana setiap *qital* adalah jihad apabila dilengkapi dengan niat yang benar menurut syarak dan bukan semua jihad adalah *qital*.<sup>31</sup>

Menurut al-Qurtubi,<sup>32</sup> perintah perang dalam al-Quran bermula dengan penurunan ayat:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

190. Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu mencerooh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang mencerooh.

Surah al-Baqarah(2):190

Tidak terdapat sebarang perselisihan dalam kalangan ulama bahawa peperangan adalah dilarang sebelum peristiwa hijrah. Hanya selepas hijrah sahaja berlaku perubahan dalam cara berkomunikasi dengan kaum kafir diperlukan bersesuaian dengan kepentingan Islam dan suasana umat Islam yang telah berubah. Peperangan yang dilakukan oleh para Sahabat pada peringkat awal Islam adalah bertujuan untuk memelihara dakwah dan menghalang muslimin dari ancaman golongan zalim dan bukan atas permusuhan. Rom telah bertindak zalim di perbatasan negara Arab yang di bawah penguasaan Islam dan menganiaya penduduk dan pemerintah di sana yang terdiri daripada orang Islam. Begitu juga dengan Parsi yang bertindak lebih zalim lagi dengan mengoyakkan surat Rasulullah SAW serta menolak dakwah dan mengancam keselamatan Rasulullah serta telah melakukan perkara yang sedemikian. Begitu juga dengan keadaan yang seterusnya dalam kes-kes Pembukaan Islam yang bertujuan menegakkan keadilan terhadap penduduknya. Ringkasnya, *qital* yang berlakuan dalam Islam disyariatkan untuk mempertahankan kebenaran dan ahlinya, menjaga dakwah dan perkembangannya.

### **Konsep Naskh**

Dari sudut bahasa terdapat dua definisi perkataan *naskh* yang meliputi perkara di bawah:

- i) Menggantikan sesuatu dengan sesuatu yang lain.
- ii) Memindahkan sesuatu kepada sesuatu yang lain.

---

<sup>31</sup> Fiqh al-Jihad Dirasah Muqaranah li Ahkam wa Falsafahtih fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah (2009), Yusuf al-Qaradawi, Kaherah: Maktabah Wahbah, j.1, ms. 42.

<sup>32</sup> Muhammad bin Ahmad, al-Qurtubi (2005), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, tahkik: Muhammad Ibrahim al-Hafnawi, Kaherah: Dar al-Hadith, j. 1, ms. 718.

Definisi yang pertama dapat dilihat dari pandangan al-Zajjaj, iaitu *naskh* “ نسخ ” dari sudut bahasa ialah membatalkan sesuatu dan menggantikan sesuatu yang lain pada tempatnya.<sup>33</sup> Beliau menetapkan perbezaan di antara *naskh* dan “ *meninggalkan sesuatu* ” atau “ ترك ” kerana istilah *naskh* di dalam al-Quran membawa maksud pembatalan beramal dengan ayat pertama dengan kedatangan ayat kedua. “ *Meninggalkan sesuatu* ” pula bermaksud ayat al-Quran memerintahkan seseorang muslim meninggalkan sesuatu amalan tanpa ada *nasikh* terhadap amalan yang ditinggalkan itu.<sup>34</sup> Ibn Faris pula menyebut pengertian yang kedua bahawa *naskh* ialah mengangkat sesuatu dan mengisbatkan sesuatu yang lain pada tempatnya atau memindahkan sesuatu kepada sesuatu yang lain.<sup>35</sup> Pengertian di atas dapat difahami bahawa *naskh* ialah memindahkan sesuatu dengan sesuatu yang lain dan perkara tersebut masih wujud tetapi berlainan tempat. Berdasarkan definisi *naskh* dari sudut bahasa, ia dapat difahami dengan dua maksud iaitu menggantikan sesuatu dengan sesuatu yang lain dan memindahkan sesuatu kepada sesuatu yang lain serta perkara tersebut masih wujud pada tempat yang lain.

Ibn ‘Atiyah menyatakan definisi *naskh* sebagai satu keterangan yang menunjukkan bahawa satu-satu hukum yang telah sabit, ditamatkan amalannya dengan keterangan yang datang kemudiannya. Jika keterangan tersebut tidak datang maka hukum tersebut akan terus diamalkan. Ketetapan yang mendatang mestilah lebih lewat daripada hukum yang ditamatkan amalannya.<sup>36</sup> Al-Alusi telah mengemukakan definisi yang sama tentang *naskh* iaitu pembatalan hukum syarak<sup>37</sup> yang bermaksud berakhirnya tempoh hukum bagi sesuatu perkara. Al-Zurqani berpendapat, *naskh* ialah pembatalan hukum syarak dengan dalil syarak. Pembatalan hukum syarak membawa maksud memutuskan kaitannya dengan perbuatan seseorang mukalaf dan bukannya membatalkan hukum tersebut. Hukum syarak pula memberi erti ketetapan Allah yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf. Dalil syarak iaitu wahyu Allah semata-mata yangyang meliputi al-Quran dan al-Sunnah.<sup>38</sup>

*Naskh* adalah satu perubahan hukum syarak dengan kedatangan hukum syarak yang terkemudian. Perbincangan tentang *naskh* akan melibatkan dua unsur yang utama iaitu *nasikh* dan *mansukh*. *Nasikh*

---

<sup>33</sup> Ibrahim bin al-Sari al-Zajjaj (1994) *Ma‘ani al-Qur‘an wa A‘arabah*, tahkik: ‘Abd al-Jalil ‘Abd Syalabi, j.1. Kaherah: Dar al-Hadith, ms. 179-180.

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> Ahmad bin Faris (1972), *Maqayis al-Lughah*, tahkik: al-Salam Muhammad Harun, j.5, c.2, Kaherah: Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, ms. 423.

<sup>36</sup> ‘Abd al-Haq bin Ghalib, Ibn ‘Atiyah al-Andalusi (2001), *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-‘Aziz*, tahkik: ‘Abd al-Salam ‘Abd al-Syafi Muhammad, j.1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, ms. 190.

<sup>37</sup> Al-Sayyid Mahmud al-Alusi (1987), *Ruh al-Ma‘ani fi Tafsir al-Qur‘an al-‘Azim wa al-Sab‘a al-Mathani*, j.1, Beirut: Dar al-Fikr, ms. 353.

<sup>38</sup> Muhammad ‘Abd al-‘Azim al-Zurqani (2001) *Manahil al ‘Irfan*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah, j.1, ms. 68.



adalah hukum yang datang kemudian sebagai pembatal hukum yang diamalkan. *Mansukh* pula adalah hukum yang dibatalkan dan tidak lagi diamalkan oleh individu muslim. Definisi ini adalah diterima pakai oleh ahli Usul Fiqh dan ahli Tafsir.

### Syarat-syarat *Naskh* Menurut Ibn al-Jawzi

Untuk memastikan perbincangan tentang naskh menjadi lebih difahami, Ibn al-Jawzi telah meletakkan lima syarat untuk mensabitkan *naskh* terhadap ayat al-Quran meliputi:<sup>39</sup>

Syarat pertama: hukum *nasikh* dan *mansukh* adalah bertentangan dan tidak boleh beramal dengan kedua-dua hukum tersebut.

Syarat kedua: hukum *mansukh* telah sabit sebelum pensabitan hukum *nasikh* sama ada melalui sebutan hukum atau diketahui melalui sejarah.

Syarat ketiga: hukum *mansukh* disyariatkan melalui perintah syarak dan bukan melalui pensabitan adat atau pengetahuan.

Syarat keempat: hukum *nasikh* juga disabitkan melalui syarak sama seperti hukum *mansukh*.

Syarat kelima: jalan atau cara pensabitan hukum *nasikh* adalah sama dengan pensabitan hukum *mansukh* atau lebih kuat.

### Analisis *Naskh* Terhadap Ayat *Qital*

Firman Allah:

قُلْ أَتَحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلَنَا أَعْمَلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَلُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ ﴿١٣٩﴾

139. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Patutkah kamu (hai kaum Yahudi dan Nasrani) membuat bantahan terhadap kami mengenai pilihan Allah dan pengurniaannya ? padahal Dia lah Tuhan

---

<sup>39</sup> *Nawasikh al-Qur'an* (t.t.), 'Abd al-Rahman bin al-Jawzi, Ibn al-Jawzi, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, ms. 23-24.

kami dan Tuhan kamu. Bagi kami (faedah) amal kami dan bagi kamu pula (faedah) amal kamu (kalau diikhhlaskan), dan kami adalah (mengerjakan amal dengan) ikhlas kepadaNya.  
Surah al-Baqarah (2): 139

Terdapat sebahagian ahli tafsir berpendapat bahawa ayat tersebut menetapkan antara jenis bertolak ansur dengan golongan kafir dan kemudiannya telah dimansukhkan oleh ayat *al-sayf*. Namun Ibn al-Jawzi menilai pendapat tersebut sebagai tidak benar berdasarkan 4 sebab: pertama: tafsiran ayat tersebut ialah “*apakah kamu semua bermusuhan dengan kami terhadap agama Allah dan mereka berkata “kami lebih utama di sisi Allah daripada kamu kerana kami adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasihnya dan dalam kalangan kami muncul para Nabi. Dialah Tuhan kami dan Tuhan kamu”, iaitu kami semuanya adalah sama dari sudut pengabdian diri dan bagaimana pula mereka lebih berhak.*”

Kedua: ayat tersebut berbentuk *khbar* dan berbentuk peringatan dan ancaman buruk.

Ketiga: telah mengetahui amalan-amalan Ahli Kitab dan kita memperakui perkara tersebut.

Keempat; hukum *mansukh* tidak kekal amalannya, tetapi hukum dalam ayat ini tidak berubah kerana setiap pelaku akan mendapat balasan atas perlakuannya. Walaupun terdapat perintah memerangi mereka itu tidak membatalkan pergantungan amalan terhadap diri mereka.

Firman Allah:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ۚ

190. Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroth (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroth.

Surah al-Baqarah (2): 190

Ulama telah berselisih pendapat dalam menentukan sama ada ayat di atas *mansukh* atau *muhkam*. Pandangan yang menghukum *mansukh* mentafsirkannya sebagai satu ketetapan yang membenarkan hak untuk memerangi orang yang memerangi kaum muslimin daripada kalangan kafir manakala sesiapa yang tidak memerangi dia tidak boleh diperangi atau dibunuh. Keadaan tersebut dimansukhkan oleh beberapa ayat seperti:

firman Allah:

وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ ۚ كَافَّةً ۚ كَمَا يُقْتَلُونَكُمْ كَافَّةً ۚ ...

36. ... dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya...

Surah al-Tawbah (9): 36.

firman Allah:

وَأَقْتُلُوهُمْ حَيْثُ تَقَفْتُمُوهُمْ ...

191. Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka...  
Surah al-Baqarah (2): 191

firman Allah:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ ...

29. Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat...

Surah al-Tawbah (9):29

firman Allah:

...فَأَقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ ...

5. ... maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya...

Surah al-Tawbah (9): 5.

Menurut Ibn al-Jawzi, pendapat tersebut didasarkan kepada petunjuk yang terdapat di dalam *khitab* ayat dan boleh menjadi hujah sekiranya tidak berlawanan dengan dalil yang lebih kuat. Namun *khitab* tersebut adalah bertentangan dengan dalil yang lebih kuat seperti ayat *al-Sayf* dan ayat-ayat lain yang mengandungi ketetapan membunuh orang-orang kafir secara mutlak sama ada mereka memerangi atau tidak. Ada pun ayat yang pertama mempunyai hukum yang sama dengan ayat yang dihukum sebagai *mansukh* manakala ayat kedua pula mengandungi hukum berperang terhadap mereka yang diarahkan untuk dibunuh. Ayat yang ketiga pula mengandungi hukum memerangi Ahli Kitab dan ayat yang didakwa memansukhkannya adalah mutlak kepada semua yang memerangi kaum muslimin. Ayat keempat pula boleh menjadi *nasikh* jika didapati sesuatu yang dimansukhnya dan tidak terdapat dalil melainkan petunjuk *khitab* sahaja. Oleh itu semua kandungan ayat tersebut adalah *muhkam* dan jauh dari dakwaan *mansukh*.

Firman Allah:

وَلَا تُقَاتِلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّىٰ يُقَاتِلُوكُمْ فِيهِ

191. ... dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjid al-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ... .

Surah al-Baqarah (2): 191

Terdapat pendapat yang menghukumkan ayat tersebut sebagai *mansukh* oleh ayat 3 surah al-Tawbah yang memerintahkan agar dibunuh golongan kafir sama ada di kawasan dan masa yang diharamkan dan hadis yang diriwayatkan oleh Anas bahawa sesungguhnya Rasulullah saw memasuki Mekah dan di atas kepalanya tutupan serta memerintahkan agar dibunuh Ibn Khatal

yang sedang bergantung dengan penutup Kaabah.<sup>40</sup> Percepat tersebut ditolak oleh Ibn al-Jawzi kerana al-Quran tidak boleh dimansukh melainkan hanya oleh al-Quran sahaja dan Rasulullah saw menjelaskan bahawa perkara tersebut hanya khusus pada satu ketika waktu siang dan *takhsis* bukanlah *naskh*. Bahkan *khitab* ayat tersebut boleh didisepadukan dengan perintah *qital* dalam ayat-ayat lain seperti *khitab* ayat 5 surah Tawbah dan ayat 193 surah al-Baqarah. Kesimpulannya ayat tersebut adalah muhkam.<sup>41</sup>

Firman Allah:

فَإِنْ أَنْتَهَوْا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٩٢﴾

192. ... kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu); kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Baqarah(2):192

Menurut Ibn al-Jawzi, jika ayat tersebut difahami sebagai memaafkan dan rahmatilah mereka maka lafaz ayat tersebut dalam bentuk *khbar* dengan makna perintah memaafkan dan merahmati mereka. Oleh itu ayat tersebut *mansukh* oleh ayat *al-Sayf*.<sup>42</sup>

Firman Allah:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ ...

216. Kamu Diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) ...

Surah al-Baqarah (2): 216

Sebahagian ulama berpendapat bahawa ayat tersebut *mansukh* kerana ketetapan yang terkandung dalam perintah tersebut berkaitan dengan kewajipan berperang ke atas semua umat Islam bertentangan dengan perjelasan al-Quran tentang tanggungjawab muslim hanya mengikut kemampuan sahaja dan penjelasan al-Quran tentang keadaan umat Islam yang mempunyai tanggung jawab utama yang lain. *Nasikh* ayat tersebut ialah firman Allah:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

---

<sup>40</sup> Al-Bukhari, no. hadis; 3044. Teks asal hadis tersebut ialah : حدثنا إسماعيل قال: حدثني مالك عن ابن شهاب عن أنس بن مالك : أن رسول الله صلى الله عليه وسلم دخل عام الفتح وعلى رأسه المغفر، فلما نزع جاء رجل فقال : إن ابن خطلٍ متعلقٌ بأستار الكعبة فقال : "أقتلوه" فقال : "أقتلوه"

<sup>41</sup> Ibn al-Jawzi (t.t.) *op. cit.* ms. 73

<sup>42</sup> *Ibid.* ms. 75

286. Allah tidak memberati seseorang melainkan dengan sesuatu yang terdaya olehnya. ...  
Surah al-Baqarah (2): 286

serta firman Allah:

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ  
وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾

122. Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Surah al-Tawbah (9): 122

Ibn al-Jawzi menilai ayat tersebut adalah *muhkam* kerana kefarduan jihad berteruskan ke atas semua umat Islam tetapi dalam bentuk fardu kifayah dengan kaedah apabila sebahagian telah melaksanakannya maka gugurkan ke atas selainnya. Oleh itu tidak ada sebarang *naskh* berlaku terhadap ayat tersebut.<sup>43</sup>

Firman Allah:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ...

256. Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)...

Surah al-Baqarah (2):256

Sebahagian ulama tafsir seperti al-Dahhak, al-Suddi dan Ibn Zayd berpendapat bahawa ayat tersebut diturunkan sebelum penurunan perintah perang dan kemudiannya dimansuhkan oleh ayat *al-Sayf* yang mengandungi perintah berperang dengan Ahli Kitab dalam surah al-Tawbah.<sup>44</sup> Namun Ibn al-Jawzi tidak memberikan sebarang komentar tentang *naskh* ayat tersebut.

Firman Allah:

...وَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلْغُ ...

20. ... dan jika mereka berpaling (tidak mahu menerima Islam), maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (dakwah Islam itu)...

Surah Ali 'Imran (3): 20

Sebahagian ulama tafsir menetapkan bahawa kandungan ayat tersebut menghadkan sekadar menyampaikan dakwah dengan lisan sahaja tanpa berlaku peperangan dan kemudiannya

<sup>43</sup> *Ibid.* ms. 80

<sup>44</sup> *Ibid.* ms. 92

dimansuhkan oleh ayat *al-Sayf*. Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa ketika Rasulullah saw bersemangat agar kaum kafir beriman dengan cara berdakwah dengan bersungguh-sungguh dan hanya tenang setelah diturunkan ayat tersebut. Kandungan maknanya menjelaskan bahawa Rasulullah saw tidak mampu untuk memandu hati-hati mereka kepada islah dan tidak berlaku *naskh*.<sup>45</sup>

Firman Allah:

... فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ ...

63. ... oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka...

Surah al-Nisa' (4): 63

Struktur ayat tersebut berlaku *taqdim* dan *ta'khir* kerana perintahnya ditakdirkan sebagai berilah peringatan kepada mereka dan jika mereka menghalang atau tidak memberi respons untuk menerimanya maka berpalinglah dari mereka. Keadaan ini berlaku sebelum perintah perang dan kemudiannya dimansuhkan oleh ayat *al-Sayf*.<sup>46</sup>

Firman Allah:

إِلَّا الَّذِينَ يَصُلُّونَ إِلَىٰ قَوْمِ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ ...

90. Kecuali orang-orang yang pergi (meminta perlindungan) kepada suatu kaum yang ada ikatan perjanjian setia antara kamu dengan mereka...

Surah al-Nisa' (4): 90

Ayat di atas mengandungi maksud bahawa mereka yang mempunyai perjanjian di antara kamu dengan mereka atau sampai kepada kaum yang datang kepada kamu maka sempitlah dada-dada mereka iaitu sempit dari memerangi kamu kerana terdapatnya perjanjian di antara kamu dan mereka. Ini merupakan satu perintah terhadap kaum muslimin agar tidak berperang dengan sesiapa yang mempunyai perjanjian. Namun kemudiannya dimansuhkan dengan ayat *al-Sayf* apabila mereka diperintah agar meninggalkan perjanjian kepada pemiliknya dalam surah Bara'ah sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibn al-'Abbas dan Qatadah.<sup>47</sup>

Firman Allah:

... وَلَا تَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا ...

---

<sup>45</sup> *Ibid.* ms. 104

<sup>46</sup> *Ibid.* ms. 131.

<sup>47</sup> *Ibid.* ms. 135

2. ...dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjid al-Haram itu - mendorong kamu mencero boh...

Surah al-Mai'dah (95): 2

Ibn al-Jawzi menegaskan ayat tersebut *mansukh* dengan ayat *al-Sayf* iaitu ayat 5 surah al-Tawbah dan baki ayat adalah *muhkam*.<sup>48</sup>

Firman Allah:

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَأَصْفَحْ ...

13. ... oleh itu, maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan...

Surah al-Ma'idah (5): 13

Terdapat perselisihan ulama dalam menentukan sama ada ayat tersebut *mansukh* atau *muhkam*. Sebagian besar dalam kalangan mereka menghukumkannya sebagai *mansukh* dengan kedatangan ayat *al-Sayf*.<sup>49</sup> Ibn al-Jawzi tidak memberi sebarang komentar terhadap pendapat tersebut.

Firman Allah:

وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ...

106. ... dan berpalinglah dari orang-orang musyrik.

Surah al-An'am (6): 106

Diriwayatkan daripada 'Ali bin Abi Talhah daripada Ibn 'Abbas yang berkata bahawa ayat ini dan seumpamanya mengandungi perintah Allah kepada muslimin agar memaafkan golongan musyirikin. Perintah tersebut *mansukh* dengan perintah dalam ayat 5 surah al-Tawbah.<sup>50</sup>

Firman Allah:

فَذَرَهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ...

112. ... oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu.

Surah al-An'am (6): 112

Menurut Ibn al-Jawzi, jika ayat tersebut ditafsirkan sebagai ancaman sebagaimana ayat-ayat lain seperti ayat 80, 91, 107,108, 135 dan 158 Surah al-An'am maka ianya adalah *muhkam*. Jika dikatakan itu satu perintah tidak memerangi golongan kafir maka ia *mansukh* oleh ayat *al-Sayf*.<sup>51</sup>

Firman Allah:

---

<sup>48</sup> *Ibid.* ms. 142

<sup>49</sup> *Ibid.* ms. 145

<sup>50</sup> *Ibid.* ms. 156

<sup>51</sup> *Ibid.* ms. 156

فَإِذَا أَنْسَلَخَ الْأَشْهُرَ الْحُرُمَ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَأَحْصُرُوهُمْ وَأَقْعُدُوا لَهُمْ  
كُلَّ مَرْصِدٍ فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥﴾

5. Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya, dan tawanlah mereka, dan juga kepunglah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya. Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Tawbah (9): 5

Ibn al-Jawzi berpendapat, ayat tersebut adalah *muhkam* kerana *khitab* ayat merupakan perintah memerangi dan menawan golongan Musyrikin. Apabila terhasilnya tawanan maka urusan seterusnya terserah kepada pemerintah Islam untuk memilih sama ada pembebasan atau mengambil tebusan dan jika dikehendaki dibunuh dengan sabar jika dilihat demikian memberi kepentingan kepada umat Islam. Inilah pendapat Jabir bin Zayd dan para Fuqaha keseluruhannya. Sebahagian periwayat tafsir yang tidak mempunyai kefahaman menyatakan bahawa ayat ini iaitu ayat *al-Sayf* memansuhkan 124 ayat al-Quran kemudiannya perintah di akhir ayat telah memansuhkan perintah yang terdapat di awal ayat. Ini merupakan satu kefahaman yang buruk terhadap ayat al-Quran kerana ayat tersebut bermaksud bunuh dan tawanlah mereka melainkan jika mereka bertaubat dari kesyirikan dan mengakui solat dan zakat maka mereka akan terselamat.<sup>52</sup>

## Perbincangan

Ayat-ayat al-Quran yang mempunyai kandungan makna yang berkaitan dengan qital telah diberikan respons yang tuntas oleh Ibn al-Jawzi menurut kaedah yang konsisten. Respons tersebut dapat dinilai berdasarkan kaedah menilai kandungan makna ayat terlebih dahulu untuk mengetahui kehendak sebenar sesebuah ayat. Di sini pentafsiran ayat didahului dengan merujuk kepada tafsir *al-Ma'thur* sebagaimana pandangan para salaf dan dinilai pentafsiran yang lebih *rajih* tafsirannya. Seterusnya beliau sendiri mentafsirkan sesuatu ayat dalam mencungkil kandungannya untuk dibuat perbandingan dengan dakwaan *naskh* dalam ayat *nasikh*.

Redaksi ayat memainkan peranan penting untuk memahami kandungan makna sesuatu ayat kerana makna sebenar sesuatu ayat hanya diketahui oleh Allah sahaja. Namun dengan

---

<sup>52</sup> *Ibid.* 174



rujukan kepada redaksi, bentuk sesuatu ayat seperti *khabar*<sup>53</sup> atau *insya 'i* merupakan mekanisme yang ampuh digunakan oleh Ibn al-Jawzi untuk menilai kandungannya. Kerap kali ayat-ayat yang didakwa *mansukh* tetapi menurut penilaian beliau redaksi ayat tersebut sebenarnya dalam bentuk *khabar* seperti penjelasan tentang ancaman yang tidak boleh menerima *naskh* kerana bertentangan dengan syarat-syarat yang diterima oleh beliau. Setiap ayat berbentuk *khabar* tidak mungkin menerima *khabar* kerana akan menimbulkan anggapan pembohongan dalam sesuatu ayat. Respons sebegini telah menolak beberapa dakwaan *naskh* terhadap perintah al-Quran.

Dalam masa yang sama, Ibn al-Jawzi sentiasa memahami kandungan makna ayat atau *khitaab* ayat dengan zaman penurunan atau tertib penurunan ayat. Beberapa ayat yang menjelaskan tentang sikap atau respons *tasamuh* umat Islam terhadap golongan kafir ditolak amalannya kerana diturunkan sebelum perintah perang ke atas golongan kafir.

Ibn al-Jawzi berpegang dengan ayat 5 surah al-Tawbah yang dikenali sebagai ayat *al-sayf* merupakan satu perintah am dan memansuhkan semua perintah muamalah secara tolak ansur di antara orang-orang Islam dengan golongan kafir. Begitu dengan ayat yang menjelaskan tentang syarat-syarat untuk memerangi golongan tersebut juga tidak terpakai seperti arahan memerangi golongan yang hanya memerangi golongan Islam dan perintah berbuat baik kepada mereka. Respons beliau terhadap semua perintah tersebut mesti dirujuk kepada perintah dalam ayat *al-sayf*. Atas dasar kaedah inilah beliau menolak dakwaan *naskh* terhadap perintah memerangi golongan kafir.

Keadaan tersebut boleh menimbulkan kefahaman bahawa perintah memerangi golongan kafir adalah atas dasar kekafiran mereka dan bukan tindakan golongan kafir memerangi atau menzalimi serta mengganggu kepentingan Islam. Namun perintah agar tidak melampaui batasan ketika berperang dan larang di Tanah Haram serta golongan yang dikecuali oleh Rasulullah saw

---

<sup>53</sup> *Khabar* ialah kata-kata yang sah dikatakan kepada penuturnya bahawa dia adalah benar atau pendusta seperti ayat “*Muhammad telah mengembara*”. Maksud benar ialah kata-kata tersebut mestilah bertepatan dengan apa yang berlaku dan dusta pula membawa maksud sesuatu yang tidak berlaku. *Khabar* pada asalnya memberi faedah kepada orang yang mendengar kata-kata tersebut untuk menilai hukum yang terkandung di dalamnya. *Insyai 'i* ialah kata-kata yang tidak sah dikatakan pada penuturnya bahawa dia adalah benar atau dusta. Ini dapat dilihat pada ayat berikut “*Muhammad! pergilah mengembara.*” *Insyai 'i* mempunyai lima bentuk ayat iaitu perintah, larangan, soalan, harapan dan seruan. Lihat Hafani Nasif *et al.* (1980), *Qawa'id al-Lughah al-'Arabiyah*, c. 3, Hamas: Dar al-Irsyad. m. 293-298.

seperti wanita, kanak-kanak, ahli agama, orang tua yang memang bukan tentera telah diamalkan dalam muamalah tersebut.

### **Penutup**

Fenomena *naskh* dalam al-Quran telah diperbincangkan dengan begitu teliti oleh Ibn al-Jawzi berdasarkan kaedah yang dibentuk melalui keilmuan dalam bidang tafsir. Pengertian *naskh* berdasarkan pandangan golongan khalaf sebagai pembatalan hukum yang terdahulu akibat kedatangan hukum yang terkemudian digunapakai oleh beliau namun penerima *naskh* tersebut cukup signifikan dengan kehendak dari perintah sesuatu ayat. Kaedah-kaedah yang diterapkan dalam konsep *naskh* digunakan dengan berkesan seperti mendahulukan tafsiran ayat sebelum memberi hukum serta memahami kandungan makna sesuatu ayat sentiasa diamalkan sehingga respons beliau begitu konsisten. Sekalipun Ibn al-Jawzi menetapkan ayat *al-Sayf* sebagai *muhkam* dan *nasikh* untuk mewajibkan perang ke atas golongan kafir namun *takhsis* yang ditentukan oleh beberapa ayat yang berkaitan dan sunah Rasulullah saw tetap *muhkam* sebagai hukum yang mesti diraikan dalam peperangan. Ringkasnya, respons beliau terhadap *naskh* dalam al-Quran memberi nilai tambah yang cukup relevan dengan perkembangan ilmu yang berkaitan dengan al-Quran.

## Rujukan

- Ahmad bin Faris (1972), *Maqayis al-Lughah*, tahkik: al-Salam Muhammad Harun, c.2, Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Alusi, al-Sayyid Mahmud al- (1987), *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab'a al-Mathani*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Dhahabi, Syam al-Din Muhammad al- (1990), *Syir A'lam al-Nubal'*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- \_\_\_\_\_ (t.t), *Tadhkirah al-Huffaz*, Beirut: Dar al-Turath al-'Arabi.
- Hafani Nasif *et al.* (1980), *Qawa'id al-Lughah al-'Arabiyah*, c. 3, Hamas: Dar al-Irsyad.
- Ibn 'Atiyyah al-Andalusi, 'Abd al-Haq bin Ghalib, (2001), *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*, tahkik: 'Abd al-Salam 'Abd al-Syafi Muhammad, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn al- Jawzi, 'Abd al-Rahman bin 'Ali (1992), *al-Muntazam fi Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- \_\_\_\_\_, (t.t.) *Nawasikh al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- \_\_\_\_\_,(1984), *Nawasikh al-Qur'an*, tahkik: Muhammad Asyraf 'Ali al-Malbari, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn al-Athir, 'Ali bin Muhammad, (1970), *al-Kamil fi al-Tarikh,,* Beirut: Dar Beirut.
- Ibn al-Imad, 'Abd al-Hayy bin al-'Imad (t.t), *Syadharat al-Dhahb fi Akhbar man Dhahab*, c.4, Beirut: al-Maktabah al-Tijar li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir, 'Umar bin Ism'il, (2001), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, tahkik: 'Ali Muhammad Mu'awwad, *et al*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn Khallikan, Ahmad bin Muhammad (t.t), *Wafayat al-A'ayan wa Anba' Abna' al-Zaman*, tahkik: Ihsan 'Abbas, Beirut: Dar al-Thaqafah.
- Ibn Rajab, 'Abd al-Rahman bin Syihab al-Din Ahmad (t.t), *al-Dhayl 'ala Tabaqat al-Hanabilah*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- Nahhas, Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad al- (1991), *al-Nasikh wa al-Mansukh fi Kitab Allah 'Azza wa Jalla wa Ikhtilaf 'Ulama' fi dhalik.*, tahkik: Sulayman bin Ibrahim, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Najjar, Syihab al-Din bin al- (1982), *al-Mustafad min Dhayl Tarikh Baghdad*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Qaradawi, Yusuf al- (2009), *Fiqh al-Jihad Dirasah Muqaranah li Ahkam wa Falsafatih fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qurtubi, Muhammad bin Ahmad, al- (2005), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, tahkik: Muhammad Ibrahim al-Hafnawi, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Zajaj, Ibrahim bin al-Sari al- (1994) *Ma'ani al-Qur'an wa A'arabah*, tahkik: 'Abd al-Jalil 'Abd Syalabi, j.1. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Zerekli, Khayr al-Din al- (1979), *al-A'lam Qamus Tarajum*, Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Zurqani, Muhammad 'Abd al-'Azim al- (2001) *Manahil al 'Irfan*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.